

Kadar kelahiran merosot

Turun 2.2 peratus, angka lebih kritikal jika lengah perkahwinan

Sinar horizon 13/07/2010 M/S N8

KUALA LUMPUR - Kadar kelahiran penduduk Malaysia menurun kepada kadar 2.2 peratus pada 2008 berbanding 2.6 peratus pada 2000 dijangka terus merosot jika faktor melengahkan perkahwinan dan sukar mengimbangi antara kerjaya dan keluarga terus berlaku.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Senator Heng Sei Kie berkata, bagi menyelesaikan masalah berkenaan, individu memainkan peranan penting terutamanya dalam menyelesaikan isu membabitkan kehidupan berkeluarga.

"Keputusan adalah di peringkat individu sama ada nak kahwin atau tidak, nak melengahkan perkahwinan, atau mahu berapa anak dalam keluarga," katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar "Penduduk, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim"



● Sei Kie (dua, kiri) beramah mesra dengan sebahagian peserta Seminar 'Population, Environment and Climate Change 2010', semalam.

anjuran Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) di sini, semalam.

"Selain itu, kerajaan dan majikan juga perlu menyediakan sistem sokongan kepada pekerja supaya mereka dapat melaksanakan tugas dengan baik di samping dapat meluangkan masa bersama keluarga," katanya.

Mengenai seminar itu, Sei Kie berkata, LPPKN de-

ngan kerjasama Jabatan Alam Sekitar akan meneruskan usaha untuk menjadikan isu alam sekitar dan perubahan iklim sebagai amalan hidup di kalangan penduduk terutamanya dalam institusi keluarga.

"Saya menyeru ibu bapa supaya selain memfokuskan kepada usaha memastikan anak cemerlang dalam akademik, mereka juga perlu mendidik anak mengamalkan konsep 3R (Kurangkan

Penggunaan, Gunakan Semula dan Kitar Semula) untuk melindungi alam sekitar," katanya.

Sei Kie turut mengingatkan semua pihak terutamanya golongan wanita supaya hanya membeli barangan yang mereka perlukan saja dan mengamalkan konsep guna dan kitar semula apa saja yang dibeli.

Menurutnya, kajian Earth System Science Centre, Brazil, mendapati sebanyak 10,000 manusia dilahirkan setiap jam di seluruh dunia mengakibatkan empat juta tan karbon dioksida dihasilkan.

"Dalam setiap jam 1,500 hektar hutan dipotong di seluruh dunia dan tiga spesies dilaporkan pupus setiap jam.

"Statistik ini menakutkan kita. Jika kita tidak ambil langkah untuk mengatasi dan mencegahnya," katanya. Bernama